

01 MAR 2001

Colombia-Sambutan

PRESIDEN COLOMBIA DIBERI SAMBUTAN PENUH ISTIADAT

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Presiden Colombia Andres Pastrana Arango yang tiba hari ini untuk lawatan negara selama empat hari, diberikan sambutan penuh istiadat di medan Parlimen.

Ketibaan Pastrana di Parlimen disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri kabinet Malaysia hadir sama.

Lagu kebangsaan Malaysia "Negara Ku" dan lagu kebangsaan Colombia "Himno de Colombia" kemudian dimainkan oleh pasukan pancaragam Kor Armor Diraja dari pangkalan Port Dickson seramai 44 anggota diketuai Let Zailani Mohamed Ukhtad.

Pastrana selepas itu memeriksa perbarisan kehormat terdiri dari 103 anggota dan empat pegawai batalion pertama Regimen Melayu Diraja diketuai Mejar Hamdan Musa.

Presiden Columbia itu kemudian diperkenalkan kepada barisan anggota kabinet dan diplomat.

Pastrana adalah dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia dan antara program lawatannya ialah mengunjungi Yang di-Pertuan Agong dan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir.

Duta Colombia ke Malaysia Arturo Infante Villarreal dalam satu temubual dengan Bernama semalam, berkata lawatan presiden negara itu diiringi delegasi seramai 60 orang termasuk Menteri Luar, Menteri Perdagangan Luar, Pertanian dan Pendidikan, pegawai-pegawai kanan serta wakil-wakil sektor swasta.

Infante berkata lawatan itu merupakan yang pertama oleh seorang Presiden Colombia untuk memperkukuhkan hubungan dan kerjasama dalam pelbagai bidang antara kedua-dua negara.

Pastrana dan Dr Mahathir dijangka membincangkan beberapa topik spesifik dalam pertemuan mereka seperti industri kelapa sawit, teknologi maklumat dan program usaha sama dalam industri minyak sawit dan petroleum.

-- BERNAMA

MS AR RON